

PENERAPAN NAQLI DAN AQLI : KAJIAN TERHADAP KURIKULUM PROGRAM TAMHIDI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG

Azniwati Bt Abdul Aziz*¹,
Rasmina Bt Hasbullah¹,
Wan Amir Nudin Bin Wan Ishak²,
Sanusi Bin Shariff²,
Mohamed Akhiruddin Ibrahim³,
Irwan Mohd Subri⁴.

*(Corresponding Author) azniwati@usim.edu.my.

¹Guru Bahasa, Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),

²Guru Tamhidi, Pusat Tamhidi USIM,

³Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM,

⁴Prof. Madya Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM.

Accepted date: 2 December 2017

Published date: 15 January 2018

To cite this document:

Aziz, A.A., Hasbullah, R., Ishak, W.A.W., Shariff, S., Ibrahim, M.A., Subri, I.M. (2017). Penerapan Naqli Dan Aqli : Kajian Terhadap Kurikulum Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 287 - 301.

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji penerapan ilmu naqli dan aqli dalam kurikulum Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah sebagai salah satu kursus utama yang ditawarkan bagi Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang di Pusat Tamhidi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kajian ini amat signifikan dalam usaha ahli akademik menyediakan kurikulum unik menepati acuan USIM untuk menjayakan pelan strategik universiti sebagai Pusat Rujukan Ilmu Naqli dan Aqli menjelang 2025. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan temubual pakar dalam bidang kajian dan kaji selidik maklumbalas pelajar yang terlibat secara langsung dengan kurikulum Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah. Penyelidik menyediakan dua bentuk persoalan kajian berbeza berdasarkan kesesuaian responden untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif penyelidikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang dalam kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah mengandungi elemen naqli dan aqli. Hasil kajian juga menyatakan bahawa penerapan naqli dan aqli dalam kurikulum Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah menepati falsafah USIM. Kajian ini boleh menjadi panduan kepada pihak jabatan dan USIM sebagai pencerahan kepada pelajar, pensyarah serta masyarakat mengenai impak integrasi ilmu naqli dan ilmu aqli yang amat signifikan dalam pembentukan perwatakan dan sahsiah pelajar. Sekaligus memperkasa pembangunan diri, masyarakat dan negara. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan untuk kajian lanjutan.

Kata Kunci: Naqli, Aqli, Kurikulum, Tamhidi, Syariah

INSTILLATION OF NAQLI AND AQLI: A STUDY ON SYARIAH AND LAW TAMHIDI PROGRAMME CURRICULUMS.

Azniwati Bt Abdul Aziz*¹,
Rasmina Bt Hasbullah¹,
Wan Amir Nudin Bin Wan Ishak²,
Sanusi Bin Shariff ²,
Mohamed Akhiruddin Ibrahim³,
Irwan Mohd Subri⁴.

Abstract : *The objective of this study is to understand the instillation of Naqli and Aqli in Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah curriculum as one of the main course offered for Syariah and Law Tamhidi Programme in Tamhidi Center USIM. This study is significant in the effort of academician to provide a unique curriculum inline with USIM strategic plan to be the Center of Reference for Naqli and Aqli knowledge by 2025. The approach used in this study is through interviews with the relevant experts and students surveys; particularly the students who are involved directly in Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah curriculum. Two sets of questionnaire were prepared based on the feasibility of the respondents to gather the information related to the objective study. Findings showed that Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah in Syariah and Law Tamhidi Programme contains the elements of Naqli and Aqli. Results also demonstrated that the instillation of Naqli and Aqli in Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah curriculum matches USIM philosophy. The study also recommended some improvements need to be implemented into the course modules and programme curriculum with the focus on courses offered in the second semester in order to strengthen the instillation of Naqli and Aqli knowledge. This study shall serve as the reference to the department and USIM as clarification for students, lecturers and the community with regards to the impact of the integration of Naqli and Aqli knowledge as the basis in building the students character and personality. In addition, the instillation can also contribute to the empowerment of self-development, community and the country ultimately. Finally, this study shall be the reference for further study with regards to the subject matter.*

Keywords: *Naqli, Aqli, Curriculum, Tamhidi, Syariah.*

Pendahuluan

Kurikulum adalah komponen yang penting dalam pendidikan. Setiap institusi yang terlibat dengan dunia pendidikan pasti akan berusaha untuk memastikan kurikulum yang disediakan adalah kurikulum yang terbaik untuk mencapai matlamat pendidikan. Identiti masyarakat yang terbentuk dari generasi pelajar adalah cerminan kepada kekuatan dan kepincangan sesuatu kurikulum. Bersama-sama dalam usaha pembentukan masyarakat, model pendidikan USIM adalah berlandaskan kepada beberapa prinsip yang mengintegrasikan Sains Islam dengan Sains Sosial dan Fizikal. Nilai universal yang terdapat dalam nilai-nilai Islam berperanan memandu dan mengembangkan nilai-nilai ilmu saintifik dan teknologi. Menjadi harapan USIM untuk menjadikan integrasi ilmu Naqli dan Aqli sebagai teras utama untuk meneraju ilmu dan

melahirkan mahasiswa holistik dan seimbang serta modal insan yang berkualiti, progresif dan dihormati.

Bagi mencapai matlamat USIM sebagai Pusat Rujukan Ilmu Naqli dan Aqli menjelang 2025, ahli akademik USIM perlu memainkan peranan untuk menyediakan kurikulum unik naqli dan aqli pada semua peringkat pengajian samada di peringkat Tamhidi mahupun fakulti. Oleh itu, semakan semula kurikulum sedia ada perlu dibuat agar kurikulum yang disediakan benar-benar menepati falsafah integrasi naqli dan aqli USIM. Justeru, penyelidik mengambil inisiatif menjalankan kajian dengan mendapatkan pandangan pakar dalam bidang Syariah dari fakulti yang mempunyai pengetahuan mendalam berkaitan integrasi naqli dan aqli. Memandangkan pelajar Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang adalah calon saluran (*feeder*) kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang, maka pemilihan pakar dari fakulti adalah penting bagi memastikan terdapat kesinambungan antara kurikulum yang disediakan di Pusat Tamhidi dan di fakulti.

Dengan mengaplikasikan kerangka integrasi USIM sebagai panduan asas pembinaan kurikulum unik naqli dan aqli USIM, kajian ini dijalankan dengan membina set soalan temubual terfokus dan set soalan temubual terbuka untuk dua kumpulan responden yang berbeza. Kajian ini memberi fokus kepada kurikulum Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah sebagai salah satu kursus utama yang ditawarkan bagi Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang, dan kurikulum Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang di Pusat Tamhidi secara umumnya.

Kajian Literatur

Terdapat pelbagai kajian berkaitan kurikulum telah dijalankan dalam pelbagai skop perbincangan. Kajian Akhmal Annas Hasmori (2011), menyatakan bahawa menurut Mohd Daud (1993), kurikulum diterjemahkan sebagai satu budaya dan ilmu pengetahuan untuk membantu guru atau tenaga akademik dalam proses pengajaran dan pembelajaran kepada kumpulan murid yang tertentu. Aspek akademik dan kurikulum sebagai teras utama pendidikan mempunyai peranan penting dalam merealisasikan visi dan misi mana-mana institusi pendidikan. Justeru, USIM, dari segi fokus pengajian, menawarkan program akademik yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam merealisasikan visi dan misi universiti.

Konsep gabungan dua ilmu ini umumnya mendapat istilah yang pelbagai seperti integrasi ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah, islamisasi dan kesepaduan ilmu. Hashim (2000), dalam kajian tentang islamisasi ilmu memperlihatkan perbezaan antara Model Al-Attas dan Model Al-Faruqi. Kedua-dua model ini mempunyai pengaruh yang besar dalam model integrasi ilmu. Beliau menjelaskan bahawa bagi Al-Attas, asas Islamisasi Ilmu ialah membebaskan umat Islam daripada cengkaman sekularisme. Hashim juga menukilkan islamisasi ilmu menurut Al-Faruqi seperti berikut;

“integrating the new knowledge into the corpus of the Islamic legacy by eliminating, amending, re-interpreting and adapting its component as the world view of Islam and its values dictate”

Berbeza dengan Al-Faruqi yang meletakkan langkah-langkah integrasi dengan memansuh, meminda, mentafsir semula dan menyesuaikan komponen ilmu dalam pelaksanaan islamisasi, Al-Attas didapati tidak meletakkan sebarang prosedur tertentu dalam melaksanakan gagasan tersebut.

Kepelbagaian istilah sedikit sebanyak mewujudkan beberapa perbezaan dalam kerangka integrasi, namun ciri persamaan tetap diperolehi antaranya ialah gabungan kedua-dua ilmu ini adalah faktor utama memperkasa pembangunan diri, masyarakat, negara dan ummah. Noor Hisyam Md. Nawi (2011) dalam artikelnya bertajuk Penelitian Semula Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden membincangkan sumber dan hirarki ilmu serta gagasan islamisasi ilmu moden yang dikenali sebagai kesepaduan antara naqli dan aqli. Beliau menekankan konsep naqli dan aqli bagi melengkapkan pertumbuhan potensi pelajar yang bersifat sepadu, seimbang dan menyeluruh.


Sementara itu, kajian yang lebih spesifik mengenai naqli dan aqli dalam kurikulum telah ditulis oleh Zetty Nurzuliana Rashed dan Ab. Halim Tamuri (2015) dalam kertas kerja yang bertajuk Kepentingan Integrasi Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli dalam Pengajaran Pendidikan Islam. Kertas kerja ini membincangkan tentang kepentingan kesepaduan antara naqli dan aqli dalam pengajaran Pendidikan Islam supaya generasi yang dilahirkan nanti merupakan generasi insan kamil yang menjadikan al-Quran sehati dalam kehidupan mereka. Kajian ini mendapati terdapat beberapa kepentingan integrasi ilmu ini antaranya adalah sebagai prasyarat pembangunan diri, masyarakat dan negara.

Menurut kajian A. Irwan (2015), Model Pengilmuan Islam yang diperkenalkan oleh Kuntowijoyo dan Model USIM adalah dua model yang boleh dipertimbangkan sebagai antara model integrasi ilmu selain daripada 10 model integrasi ilmu oleh pemikir Islam yang telah disenaraikan oleh Husin Toyyar (t.t). 10 model tersebut adalah Model IFIAS (International Federation of Institutes of Advance Study), Model ASASI, Model Islamic Worldview, Model Structure of Islamic Knowledge, Model Bucaillisme, Model Knowledge Integration based on Cassical Philosophy, Model Knowledge Integration based on Tasawwuf, Model Knowledge Integration based on Fiqh, Model Ijmali Group dan Model Aligargh Group.

Selain kajian dalam konteks pendidikan secara umum berkaitan kesepaduan ilmu naqli dan aqli, terdapat juga banyak kajian yang membincangkan tentang konsep dan rekabentuk kurikulum unik integrasi ilmu naqli dan aqli secara spesifik dalam kerangka akademik USIM. Menurut pandangan Muhamad Muda (2001) dalam pengenalan program pertama Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (SmPM) di KUIM¹, reka bentuk kurikulum dalam konteks integrasi ilmu naqli dan aqli adalah satu pendekatan prinsip Pendidikan Islam Bersepadu. Prinsip bersepadu atau secara integratif ini berbeza dengan kaedah *add-on* (tambahan) ataupun kaedah perbandingan (*comparative studies*). Dalam pendekatan *add-on*, kursus 'islamik' ditambah di hujung pengajian sebagai tambahan kepada komponen konvensional yang biasa. Bagi pendekatan komparatif pula, kursus 'islamik' ditawarkan beriringan dengan kursus konvensional. Manakala kurikulum integratif menawarkan kursus yang menekankan asas Pendidikan Islam (akidah, etika dan ibadah) bersama kursus utama program diterapkan langsung dengan kandungan islamik. Beliau menjelaskan perbandingan tersebut dengan rajah berikut;

¹ Kolej Universiti Islam Malaysia sebelum ditukar nama kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun 2006.

Rajah 1. Pendekatan Integratif yang diambil oleh SmPM (KUIM)




Prinsip adunan ilmu naqli dan aqli yang dijelaskan oleh pengasas dan dekan pertama Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) USIM sebagaimana Rajah 1.1 menjadi pegangan dan landasan bagi pembentukan rekabentuk kurikulum bagi program-program pengajian lain yang ditawarkan oleh FEM.

Terdapat juga kajian dalam bab ketiga dari buku suntingan Ahmad Zaki Salleh (2015) yang bertajuk Integrasi Naqli dan Aqli Dalam Disiplin Syariah dan Undang-undang, membincangkan tentang kerangka penerapan konsep integrasi yang menjadi panduan asas pembinaan kurikulum unik naqli dan aqli USIM. Ia menjelaskan bahawa terdapat empat peringkat integrasi iaitu pengayatan (al-Nusus), perbandingan (al-Muqaranah), adaptasi (al-Taqyim) dan integrasi (al-Tafaquh). Walaupun elemen kajian dalam setiap bab dalam buku tersebut adalah berkenaan penerapan naqli dan aqli di Fakulti Syariah dan Undang-undang secara khusus, namun kerangka tersebut merupakan satu panduan umum kepada ahli akademik USIM untuk menyediakan atau membina kurikulum naqli dan aqli bagi program yang ditawarkan dalam semua peringkat pengajian.

Model Integrasi USIM

USIM telahpun menyediakan kerangka penerapan konsep integrasi ilmu naqli dan aqli dalam semua disiplin ilmunya. Musa Ahmad (2015) menyatakan bahawa integrasi ilmu naqli dan aqli dalam konteks USIM adalah gabungan ilmu berasaskan al-Quran dan Sunnah serta ilmu kontemporari. Fokus perbincangan yang besar diberikan kepada aspek kerangka penerapan berbanding aspek epistemologi. Adnan Yusoff (2015) menjelaskan secara ringkas konsep integrasi ilmu naqli dan aqli USIM seperti rajah di bawah.

Rajah 2: Kerangka Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli Bersumberkan Al-Quran & Sunnah



Pada setiap pertindanan ini akan berlaku integrasi antara ilmu.

Pertindanan yang di tengah sekali akan semakin membesar seiring peredaran masa dan pengembangan ilmu sehingga menghasilkan pelbagai ilmu baru dan penemuan baru.

Akhirnya akan hilang sempadan antara pelbagai disiplin ilmu yang beku dan terpisah. Sebaliknya setiap ilmu bersatu dengan Tauhid yang berpaksikan al-Quran dan Sunnah.

Penerapan yang dirangka berusaha memenuhi ciri-ciri boleh diukur dan dapat dilihat agar proses implementasi mudah dilakukan. Penerapan dalam kurikulum yang melibatkan semua disiplin ilmu tanpa memilih disiplin ilmu tertentu dibentuk berdasarkan garis panduan yang mudah. Ianya kerana terdapat bidang ilmu yang sukar untuk diintegrasikan (A.Irwan. 2015). Kelonggaran diberikan kepada bidang ilmu tersebut, namun sekurang-kurangnya perlu mencapai satu peringkat dari mana-mana empat penerapan integrasi yang digariskan.

Kerangka Penerapan Integrasi : Panduan Asas Pembinaan Kurikulum Unik Naqli dan Aqli USIM

Kajian ini mengaplikasikan kerangka penerapan integrasi USIM yang menjadi panduan asas pembinaan Kurikulum Unik Naqli dan Aqli USIM sebagai model kajian. Ahmad Zaki Salleh (2015) menjelaskan kerangka penerapan integrasi USIM yang terdiri dari empat peringkat seperti berikut;

1. Peringkat Pengayatan (Mustawa al-Nusus)

Peringkat pengayatan bermaksud rujukan kepada sumber asas ajaran Islam iaitu al-Quran, hadis dan kitab-kitab turath yang muhtabar. Ia melibatkan proses mengenal pasti sumber dari al-Quran dan sunnah yang menjadi asas penyariatian terhadap topik yang dibincangkan. Ia juga melibatkan pengenalan nas-nas dari al-Quran dan sunnah yang menyokong falsafah atau intipati konsep-konsep yang diperkenalkan di dalam sesuatu kursus. Nas atau teks dari al-Quran dan sunnah tersebut dikupas dengan mengutarakan pendapat fuqaha melalui kitab-kitab turath yang menjadi rujukan utama di dalam syariah. Ia juga melibatkan proses menganalisa dalil melalui perbincangan hujah-hujah yang dikemukakan dan diperbahaskan oleh para fuqaha.

2. Peringkat Perbandingan (Mustawa al-Muqaranah)

Peringkat perbandingan merujuk kepada persamaan atau perbezaan antara ilmu Islam dan ilmu konvensional. Proses perbandingan memerlukan analisa kepada kedua-dua elemen tersebut dan mencari unsur-unsur yang sama atau berbeza dalam konteks yang selari.

3. Peringkat Adaptasi (Mustawa al-Taqyim)

Peringkat Adaptasi melibatkan proses memilih, menyaring, menyesuaikan dan menggunakan pakai mana-mana prinsip, nilai dan kerangka yang tidak bercanggah dengan Islam. Peringkat ini memerlukan kemahiran menilai dan membuat keputusan terhadap kepatuhan syariah bagi prinsip-prinsip yang digunakan di dalam amalan semasa.

4. Peringkat Integrasi (Mustawa al-Tafaqquh)

Peringkat Integrasi menggabung dan mengaplikasikan pelbagai disiplin ilmu yang menghasilkan kurikulum yang holistik. Penghayatan dan kebudayaan serta mampu mendemonstrasi pelbagai disiplin ilmu melalui beberapa kursus yang ditawarkan menjelaskan lagi kaedah al-tafaqquh. Antaranya kebudayaan dan penghayatan disiplin-disiplin ilmu pengurusan, politik, perundangan, matematik dan lain-lain. Menurut A.Irwan (2015), integrasi mengikut model ini boleh dilakukan dengan tiga kaedah berikut:

4.1 *Embedded*.

Memasukkan terus elemen Naqli atau Aqli ke dalam kursus berkenaan.

4.2 Kajian kes / kerja kursus / tugas.

Proses integrasi dijalankan melalui tugas pelajar seperti kajian kes atau kerja kursus ataupun tugas lain.

4.3 Aktiviti luar pelajar yang diikat dengan kursus.

Contoh 1: Program Khidmat Komuniti Masyarakat Orang Asli seperti yang dianjurkan oleh Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.

Contoh 2: Program Penyembelihan dan Pengurusan Jenazah anjuran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Berdasarkan empat peringkat integrasi yang digariskan, peringkat keempat dilihat sebagai peringkat paling sempurna dan menepati falsafah Model Integrasi USIM. Namun, USIM amat

realistik kerana melalui kerangka integrasi acuannya, terdapat peluang kepada semua bidang ilmu di semua peringkat pengajian untuk berada di bawah kerangka integrasi dalam pelaksanaan penerapan ilmu naqli dan aqli. Sesuai dengan kepelbagaian dan perbezaan ciri-ciri khusus bagi setiap disiplin ilmu, sudah pasti model yang meletakkan satu peringkat atau kaedah penerapan yang sama terhadap semua disiplin ilmu akan menjadikan matlamat integrasi sukar dicapai.

Justeru, dalam Model Integrasi USIM, setiap disiplin ilmu mempunyai kemampuan yang berbeza dan berada pada peringkat yang berbeza dalam pembinaan kurikulum unik naqli dan aqli, namun masih berada dalam kerangka yang digariskan. Natiujahnya, terdapat kurikulum yang hanya mencapai peringkat pertama sahaja, atau dua peringkat sahaja, atau juga keempat-empat peringkat. Sebagai contoh, dalam kajian rangka konsep kurikulum dan struktur kurikulum program Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian (Siti Nurazira, 2015), ditunjukkan bahawa kursus Pengurusan Operasi berada pada peringkat pertama (Pengayatan) sahaja, manakala kursus Prinsip dan Amalan Pemasaran hanya mencapai dua peringkat sahaja iaitu peringkat pertama (Pengayatan) dan peringkat ketiga (Adaptasi). Berbeza dengan kursus Pengantar Perniagaan, ianya mencapai keempat-empat peringkat integrasi yang digariskan.

Kurikulum Program Tamhidi Syariah & Undang-Undang

Program Tamhidi Syariah & Undang-Undang adalah salah satu dari lima program yang ditawarkan di Pusat Tamhidi selain daripada program Tamhidi Perubatan, Tamhidi Pergigian, Tamhidi Sains & Teknologi serta Tamhidi Perakaunan & Muamalat. Pusat Tamhidi adalah sebuah pusat pembelajaran peringkat pra universiti di USIM yang bukan sahaja menerima pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia daripada aliran agama malah pelajar antarabangsa lepasan General Certificate Education (GCE) O Level yang berkelayakan.

Pelajar Tamhidi Syariah & Undang-Undang adalah pelajar yang akan disalurkan (*feeder*) ke bidang Sarjana Muda Syariah & Undang-Undang di Fakulti Syariah & Undang-Undang USIM. Untuk melayakkan pelajar mengikuti program ijazah tersebut, calon hendaklah memenuhi syarat yang ditetapkan iaitu memperoleh Band 4 dalam peperiksaan Malaysian University English Test (MUET), disamping lulus pengajian di peringkat Program Tamhidi Syariah & Undang-Undang (Mohamed Akhiruddin Ibrahim et al, 2015).

Terdapat tiga kursus bagi disiplin ilmu naqli dan enam kursus bagi disiplin ilmu aqli pada semester pertama. Manakala pada semester kedua terdapat satu kursus bagi disiplin ilmu naqli dan tujuh kursus bagi disiplin ilmu aqli. Sepanjang pengajian selama setahun di peringkat pra universiti, Program Tamhidi Syariah & Undang-Undang menawarkan empat kursus bagi disiplin ilmu naqli dan tiga belas kursus bagi disiplin ilmu aqli kepada pelajar. Berikut adalah kurikulum Program Tamhidi Syariah & Undang-Undang.

Jadual 1: Kursus yang ditawarkan kepada pelajar Tamhidi Syariah & Undang-Undang (Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mazlina Mohamed Tamjid & Mohd Nurhakimi Md Yaman 2015)

SEMESTER 1		
Kod Kursus	Kursus	Jam Kredit
TSU0214	al-Madkhal ila al-Syariah	4
TSU0314	Introduction to Law	4
TSU0404	al-Mabadi' al-Fiqhiyyah	4
TLE0612	English for Academic Purposes I	2
TLE0622	English for Academic Purposes II	2
TLA0713	Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Ittisaliyyah I	3
TLA0812	Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Kitabiyyah I	2
TCL0822	ICT Skill	2
TUH0752	Al-Quran Wa al-Hadith Fi Ulum al-Ijtimaiyyah	2
Jumlah		25

SEMESTER 2		
Kod Kursus	Kursus	Jam Kredit
TSU0614	General Principle of Malaysia Law	4
TSU0714	Law and Society	4
TSU0804	al-Fiqh wa al-Mujtama'	4
TLE0712	English for Academic Purposes III	2
TLE0722	English for Academic Purposes IV	2
TLE0813	Introduction to English for Law	3
TLA0723	Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Ittisaliyyah II	3
TLA0823	Al-Lughah Al-Arabiyyah Al-Kitabiyyah II	3
Jumlah		25

Kursus al-Mabadi' al-Fiqhiyyah

Al-Mabadi' al-Fiqhiyyah adalah salah satu dari tiga kursus bagi disiplin ilmu naqli untuk semester pertama Program Tamhidi Syariah dan Undang-undang. Ia merupakan kursus wajib program dengan 4 jam kredit. Kursus ini berkaitan dengan ilmu pengetahuan asas kepada konsep dan prinsip-prinsip perundangan Islam. Silibus pelajaran mencakupi empat bidang ilmu dan dimulai dengan bidang Fiqh, Usul Fiqh, Qawaid Fiqhiyyah dan yang terakhir adalah Maqasid Syariah.

1. Ilmu Fiqh

Tajuk-tajuk yang dipelajari adalah berkaitan dengan pengertian dan kupasannya, perkembangan pengertian (istilah), ciri-ciri, pembahagian serta ikhtilafat dan sebab-sebabnya secara ringkas.

2. Ilmu Usul Fiqh

Ia merupakan komponen terbesar dalam modul yang disediakan berbanding bahagian ilmu yang lain. Ia menyentuh secara ringkas tentang pengertian dan kupasannya, perbezaan ilmu fiqh dan ilmu usul fiqh, perkembangan, penulisan, faktor perbezaan dalam penetapan hukum serta sumber hukum.

3. Ilmu Qawaid Fiqhiyyah

Silibus yang disediakan adalah ringkas sebagai pendedahan asas kepada pelajar dengan menyentuh tentang pengertian, jenis-jenis, kepentingan, lima kaedah fiqh yang utama serta perbezaan kaedah fiqh dan kaedah usul fiqh.

4. Ilmu Maqasid Syariah

Kompenen terakhir ini adalah pelengkap kepada modul dengan beberapa tajuk ringkas iaitu pengertian serta bahagian-bahagian maqasid syariah.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif bagi mendapatkan pandangan dan maklumbalas terhadap penerapan naqli dan aqli dalam kurikulum Program Tamhidi Syariah Dan Undang-Undang dengan memberi fokus kepada kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan metod temubual yang melibatkan temubual pakar dalam bidang kajian dan maklumbalas pelajar yang terlibat secara langsung dengan kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah.

Pihak responden temubual adalah pensyarah kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM dengan kepakaran dalam bidang Usul Fiqh, Fiqh Muamalat, Fiqh Muqaran dan Fatwa. Responden diberikan modul kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah sebagai bahan kajian untuk dibuat penilaian dalam tempoh sebulan. Bagi tujuan agar sesuatu data tidak tertinggal dan perjalanan temubual berjalan dengan lancar, penyelidik menggunakan metod bebas tetapi terkawal iaitu dengan menyediakan panduan awal temubual yang berbentuk soalan-soalan penting yang berkaitan dengan penyelidikan.

Pihak responden maklumbalas pula merupakan para pelajar Tamhidi Syariah dan Undang-Undang yang telah mengambil kursus tersebut pada awal semester pengajian 2015/2016. Metod persampelan yang digunakan adalah persampelan secara rawak kerana kajian ini hanya melibatkan 30 orang pelajar bagi mewakili populasi pelajar Tamhidi Syariah dan Undang-Undang. Penyelidik menyediakan borang maklumbalas untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif penyelidikan.

Analisis Data

Bagi menganalisis data, seluruh proses temubual telah dicatatkan. Sesi temubual direkod menggunakan rakaman audio bagi memudahkan proses analisis dan pencatatan data. Setelah selesai pencatatan data, transkrip dianalisa bagi mengenalpasti kod-kod yang diperolehi daripada temubual untuk memudahkan pengkategorian maklumat mengikut persoalan kajian. Penyelidik turut menganalisa borang maklumbalas pelajar untuk menilai respon pelajar bagi memudahkan penstruktur tema di bahagian penemuan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan


Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang dalam kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah mengandungi elemen naqli dan aqli. Kajian

juga mendapati bahawa penerapan elemen naqli dan aqli dalam kurikulum Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah menepati falsafah Universiti Sains Islam Malaysia.

Kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah dalam kurikulum Program Tamhidi Syariah dan Undang-undang mengandungi elemen naqli dan aqli.

Berdasarkan temubual, hasil kajian menunjukkan kursus yang ditawarkan dalam Program Tamhidi Syariah dan Undang-Undang ini mengandungi elemen penerapan naqli dan aqli yang sangat jelas. Responden menjelaskan bahawa wujud penerapan naqli dan aqli apabila terdapat kerangka teori syarak bagi setiap bidang ilmu samada Fiqh, Usul Fiqh, Qawaid Fiqhiyyah dan Maqasid Syariah dalam modul pembelajaran bagi kursus tersebut. Kerangka teori ini adalah ilmu naqli yang merangkumi falsafah, kaedah-kaedah dan ciri-ciri yang menjelaskan konsep bidang ilmu tertentu. Ia dilengkapi dengan unsur praktikal apabila terdapat hubungkait antara kerangka teori dengan praktikal hukum-hukum semasa. Menurut responden, masdar-masdar (sumber-sumber) mazhab itu sendiri adalah gabungan naqli dan aqli kerana masdar utama dalam proses penentuan adalah al-Quran, sunnah, ijmak dan qiyas. Al-Quran dan sunnah adalah ilmu Naqli manakala ijma' dan qiyas adalah ilmu aqli dengan qiyas sebagai komponen paling besar mewakili elemen aqli. Rajah di bawah menunjukkan kesimpulan dari dapatan kajian berkaitan elemen penerapan naqli dan aqli dalam kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah.

Rajah 3. Penerapan naqli dan aqli dalam kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah.



Maklumbalas pelajar sebagai responden pihak kedua juga secara umumnya menunjukkan bahawa kurikulum kajian di bawah Program Tamhidi Syariah dan Undang-undang ini dikenalpasti mengandungi elemen naqli dan aqli. Dapatan kajian adalah berdasarkan analisa kepada komponen maklumbalas dengan arahan yang diberikan secara umum tanpa pengkelasan dan fokus kepada skop naqli dan aqli. Namun begitu, hasil kajian mendapati terdapat maklumbalas yang telah menyentuh skop naqli dan aqli. Penyelidik juga melihat maklumbalas tersebut boleh terbahagi kepada dua kategori iaitu;

- a) Maklumbalas dalam skop naqli dan aqli secara langsung.

Responden 4: *Saya bersyukur kerana dapat mempelajari kursus ini kerana saya mendapat dan menambah pengetahuan seterusnya membezakan **ilmu Aqli dan Naqli**.*

Responden 9: *Subjek al-Mabadik al-Fiqhiyyah adalah kursus yang sangat seronok untuk dipelajari kerana menepati konsep **ilmu Aqli dan Naqli** USIM. Seterusnya melahirkan graduan yang holistik.*

Responden 15: *Penerapan ilmu Aqli dan Naqli dalam diri pelajar adalah satu langkah bijak untuk mengekang masalah moral yang semakin meruncing pada masa kini. Jadi elemen Naqli dan Aqli perlu diteruskan pada masa akan datang.*

Responden 18: *Penerapan ilmu di dalam setiap subjek yang ada serta berkait bersama ilmu Aqli dan Naqli wajar diteruskan dan diaplikasikan untuk masa akan datang.*

b) Maklumbalas dalam skop naqli dan aqli secara tidak langsung.

Responden 10: *Saya berpuas hati dan gembira dengan kursus pembelajaran pada sem 1 Tamhidi semuanya memuaskan dan membantu saya untuk memperolehi pengalaman dalam pengajian Fiqh, Syariah, Undang-undang dan Bahasa.*

Responden 14: *Kekalkan silibus atau tambah sedikit mengikut isu semasa...*

Responden 16: *...adakan perbincangan mengenai isu-isu semasa...*

Kurikulum Program Tamhidi Syariah Dan Undang-Undang dalam kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah menepati falsafah USIM sebagai sebuah universiti yang menerajui integrasi ilmu naqli dan aqli.

Berdasarkan hasil temubual, kandungan modul yang didominasi oleh ilmu Usul Fiqh dan Qawaid Fiqhiyyah ini secara jelas telah diakui menepati falsafah USIM sebagai sebuah universiti yang menerajui integrasi ilmu naqli dan aqli. Menurut responden, ia boleh difahami atas dasar bahawa USIM meletakkan ilmu Usul Fiqh dan Qawaid Fiqhiyyah sebagai ilmu asas untuk menerajui gabungan naqli dan aqli. Penyelidik mendapati usaha ini telah mula dilaksanakan oleh Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (PIINA) sebagai pusat tanggungjawab dalam merangka, menggubal dan melaksana program latihan berterusan bagi meningkatkan keupayaan modal insan berteraskan integrasi ilmu Naqli dan Aqli dalam pentadbiran, pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan (<http://piina.usim.edu.my>). Antara program teras yang dibangunkan PIINA adalah Kursus Usul Fiqh dan Kursus Qawaid Fiqhiyyah di samping dua program lain iaitu Kursus Pengenalan iNaQ dan Bistro@PIINA.

Hasil kajian juga mendapati kandungan kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah menepati falsafah USIM dengan menepati empat peringkat integrasi yang telah digariskan USIM sebagai asas kepada pembinaan kurikulum unik naqli dan aqli di dalam program akademik yang ditawarkan. Di peringkat Pengayatan (Mustawa al-Nusus), kandungan silibus adalah bersumberkan kepada kitab-kitab turath yang muktabar dengan mengambil pandangan jumah bagi setiap tajuk yang dibincangkan. Terdapat juga beberapa tajuk yang memberi pendedahan umum diantara konsep Islam dalam skop Munakahat, Muamalat serta Jinayat dan pemakaiannya di Malaysia. Namun begitu, kandungan kursus tidak memberi fokus kepada perbezaan antara ilmu Islam dan ilmu konvensional sebagaimana yang digariskan dalam Peringkat Perbandingan (Mustawa al-Muqaranah).

Pendedahan asas terhadap lima kaedah fiqh yang utama yang terkandung dalam silibus juga adalah langkah awal melatih pelajar mendepani masalah harian mereka dan menangani masalah semasa. Kursus ini sekaligus membantu pengukuhan disiplin ilmu lain seperti Bahasa Arab

kerana kandungan modul dalam bahasa Arab memerlukan penguasaan bahasa yang betul bagi mendapatkan pemahaman yang sahih. Prinsip-prinsip perundangan Islam yang dibincangkan juga berkaitan secara tidak langsung dengan kursus Introduction to Law yang turut dipelajari pada semester pertama. Kedua-dua perkara ini dilihat selari dengan Peringkat Adaptasi (Mustawa al-Taqyim) dan Peringkat Integrasi (Mustawa al-Tafaqquh) iaitu peringkat ketiga dan keempat yang digariskan USIM sebagai asas kepada pembinaan kurikulum unik naqli dan aqli.

Jadual 2. Struktur Integrasi Naqli dan Aqli dalam kursus Al-Mabadi’ Al-Fiqhiyyah.

Kandungan Kursus	Kerangka Integrasi Naqli dan Aqli			
	Mustawa al-Nusus	Mustawa al-Muqaranah	Mustawa al-Taqyim	Mustawa al-Tafaqquh
Pengenalan Fiqh	/		/	/
Pengenalan Usul Fiqh	/		/	/
Pengenalan Qawaid Fiqhiyyah	/		/	/
Pengenalan Maqasid Syariah	/		/	/

Dapatan umum dalam kajian ini juga menunjukkan terdapat penerapan Naqli dan Aqli yang menepati falsafah USIM dalam kurikulum Program Tamhidi Syariah Dan Undang-Undang. Asas pembentukan kurikulum adalah gabungan kursus syariah, kursus undang-undang dan kursus bahasa. Konsep gabungan ini disebut secara jelas dalam Amanat Tahun Baharu Naib Canselor USIM 2014: Menjajarkan Pelan Strategik USIM ke Arah Pengukuhan Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli. Menurut Mantan Naib Canselor USIM dalam ucapannya“...kita patut melihat secara keseluruhan program tersebut dan mereka bentuknya (design the curriculum) supaya ada ruang untuk integrasi ilmu Naqli dan Aqli” (Asma Ismail. 2014).

Rajah 4. Rekabentuk kurikulum Program Tamhidi Syariah Dan Undang-Undang



Kesimpulan berdasarkan keseluruhan dapatan dan perbincangan daripada kajian ini, penyelidik mendapati bahawa kurikulum naqli dan aqli yang menepati falsafah USIM terdapat dalam kursus Al-Mabadi’ Al-Fiqhiyyah secara khususnya dan terdapat di dalam Program Tamhidi

Syariah dan Undang-Undang secara umumnya. Penyelidik juga memperoleh dapatan dari sisi sampingan apabila dapatan lain dari kajian juga menunjukkan bahawa pemberatan kepada ilmu aqli sangat ketara berbanding ilmu naqli berdasarkan kuantiti kursus yang ditawarkan di semester dua pengajian. Oleh kerana itu, semua penggubal kursus perlu memainkan peranan bagi memastikan kandungan setiap kursus samada dalam bidang Ilmu Islam, Sains Sosial mahupun Sains Teknologi mempunyai penerapan naqli dan aqli. Perkara ini boleh dijadikan sebagai kajian lanjutan samada dalam skop kajian yang sama berkaitan naqli dan aqli mahupun skop kajian lain yang berbeza. Selain daripada itu, penyelidik juga melihat beberapa penambahbaikan perlu dibuat dalam kandungan modul kursus Al-Mabadi' Al-Fiqhiyyah dalam skop ilmu aqli dengan memperbanyakkan perbincangan kepada isu semasa bagi mencapai hakikat kebenaran ilmu.

Penutup

Kepentingan integrasi ilmu naqli dan ilmu aqli tidak dapat dipertikaikan. Gabungan keduanya memberi impak positif duniawi dan ukhrawi, satu impak yang tinggi nilainya. Adnan Mohamed Yusuf (2015) ada menyatakan pandangan Alparslan Acikgenc tentang kepentingan integrasi ini melalui artikelnya Gagasan integrasi ilmu Naqli dan Aqli (USIM): Sorotan awal dari perspektif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Justifikasi secara teori, apabila disepadukan atau diintegrasikan kedua-dua ilmu naqli dan ilmu aqli, iaitu antara ilmu agama yang berasaskan al-Quran dan Sunnah dan sains moden (ilmu kontemporari), natijahnya ialah ilmu hakikat kebenaran pasti akan diperolehi. Puncanya adalah kerana cahaya bagi hati sanubari ialah ilmu-ilmu agama, manakala cahaya bagi akal ialah ilmu-ilmu sains moden. Manakala 'himmah' (keazaman) para pelajar akan bertambah tinggi dengan kedua-dua ilmu yang boleh diumpamakan seperti dua sayap ini. Ketika kedua-duanya terpisah, akan lahir pada yang pertama sifat taksub (*superstition or fanatic*), dan lahir pula pada yang kedua muslihat (*corruption*) dan keraguan (*scepticism*).

Usaha mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam kurikulum yang ditawarkan adalah usaha yang sangat murni dan perlu mendapat sokongan yang berterusan dari semua pihak. Apa jua istilah atau model atau kerangka yang digunakan, ia perlu dilihat secara positif sebagai agenda memartabatkan ummah dalam melahirkan insan kamil sesuai untuk pembangunan negara, ummah dan manusia sejagat.

Rujukan

- A.Irwan Santeri Doll Kawaid. (2015). Integrasi Naqli Dan Aqli: Tinjauan Isu Terpilih. *Bab dalam buku: Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli, Perspektif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM*. 53-73. Nilai: Penerbit USIM.
- Adnan Mohamed Yusoff. (2015). *15 Tahun Mengemudi Integrasi Naqli dan Aqli, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM*. 15-25. Nilai: Penerbit USIM.
- Adnan Mohamed Yusuf. (2015). Gagasan integrasi ilmu Naqli dan Aqli (USIM): Sorotan awal dari perspektif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. *Bab dalam buku: Integrasi Ilmu Naqli Aqli; Perspektif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM*. 15-25. Nilai: Penerbit USIM.

- Ahmad Zaki Salleh. (2015). *Integrasi Naqli dan Aqli Dalam Disiplin Syariah dan Undang-undang*. Nilai: Penerbit USIM.
- Akhmal Annas Hasmori, Hussin Sarju, Ismail Sabri Norihan, Rohana Hamzah & Muhammad Sukri Saud. (2011). Pendidikan, Kurikulum Dan Masyarakat : Satu Integrasi. *Journal of Edupres, Volume 1* September. 350-356.
- Asma Ismail. (2014). Teks Ucapan: *Amanat Tahun Baharu Naib Canselor USIM 2014: Menjajarkan Pelan Strategik USIM ke Arah Pengukuhan Agenda Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*. Universiti Sains Islam Malaysia. 12-13.
- Hashim,R., & Rossidy, I. (2000). *Islamization of Knowledge: A Comparative Analysis of the Conceptions of Al-Attas and Al-Faruqi*. 8 (1). 29.
- Mohamed Akhiruddin Ibrahim, Mazlina Mohamed Tamjid & Mohd Nurhakimi Md Yaman. (2015). 11 Tahun Tamhidi Menerajui Kurikulum Berteraskan Integrasi Ilmu Naqli & Aqli: Tinjauan Terhadap Enrolmen Pelajar. *Bab dalam buku: Sains Islam dan Pendidikan: Ke Arah Melahirkan Generasi Terbilang*. 1-11. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Mohd Daud Hamzah. (1993). *Liputan Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Naser Mohd Sabri, Azniwati Abdul Aziz & Mohamed Akhiruddin Ibrahim. (2015). *Sains Islam dan Pendidikan: Ke Arah Melahirkan Generasi Terbilang*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Mohd.Khairul Nizam Zainan Nazri et al. (2015). *Integrasi Ilmu Naqli Aqli; Perspektif Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM*. Nilai: Penerbit USIM.
- Muhamad Muda. (2001). Prinsip Adunan Ilmu Naqli dan Aqli : Falsafah dan Pelaksanaan. *Bab dalam buku: Integrasi Naqli dan Aqli: Satu Aspirasi, Fakulti Ekonomi dan Muamalat*. 23. Nilai: Penerbit USIM.
- Musa Ahmad. (2016). Teks Ucapan: *Amanat Tahun Baharu Naib Canselor USIM 2016*. Universiti Sains Islam Malaysia. 3-4.
- Noor Hisham Md. Nawawi. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran : Penelitian Semula Konsep-Konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. Dalam: *Kongres Pengajaran Dan Pembelajaran UKM 2011*. 18 - 20 Disember 2011. Hotel Vistana Pulau Pinang. (tidak diterbitkan).
- Siti Nurazira Mohd Daud. (2015). *Integrasi Naqli dan Aqli: Satu Aspirasi, Fakulti Ekonomi dan Muamalat*. Nilai: Penerbit USIM.
- Thoyyar, H. (t.t). *Model-Model Integrasi Ilmu Dan Upaya Membangun Landasan Keilmuan Islam (Survey Literatur Terhadap Pemikiran Islam Kontemporer)*. 14-26.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2015). *Amanat Tahun 2015*. Ybhg. Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad, Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia. Nilai: Penerbit USIM.
- Zetty Nurzuliana Rashed & Ab. Halim Tamuri. (2015). Kepentingan Integrasi Ilmu Naqli dan Ilmu Aqli dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *E-Jurnal Pendidikan Bil 2 (1)* Jun 2015. 5-14.
- Universiti Sains Islam Malaysia. (2017). Dimuat turun daripada <http://piina.usim.edu.my/ms/info-pipp/objektif>.